



**SURAT KELILING
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BILANGAN 1/2022**

GARISPANDUAN-GARISPANDUAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN 2022

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa selaras dengan berkuatkuasanya Constitution (Financial Procedure) (Amendment) Order 2022 dan Peraturan-Peraturan Kewangan (Financial Regulation), 2022 mulai 1 haribulan April 2022, maka Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan Garispanduan-Garispanduan Peraturan-Peraturan Kewangan 2022 berikut:

- 1.1 Garispanduan Kutipan Hasil Kerajaan; Pembayaran bagi Perolehan dan Perkhidmatan kepada Kerajaan; Wang Panjar dan Wang Taruhan; Pengurusan Barang-Barang Stor; dan Penghapusan dari Kira-Kira; dan Am seperti di **LAMPIRAN 1**;
- 1.2 Garispanduan Lantikan; Tugas dan Tanggungjawab; dan Pelaksanaan Mesyuarat LTN, LTK dan Jawatankuasa Sebut Harga seperti di **LAMPIRAN 2**; dan
- 1.3 Garispanduan Perolehan Kerajaan seperti di **LAMPIRAN 3**.

2. Tujuan Garispanduan-Garispanduan di atas disediakan adalah untuk menerangkan tanggungjawab, proses dan tatacara dalam mengurus kewangan Negara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Kewangan, 2022.

3. Oleh yang demikian dengan adanya Garispanduan-Garispanduan ini adalah diharapkan Pegawai Pengawal serta Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang diamanahkan untuk mengurus wang negara adalah perlu untuk memahami apa yang terkandung di dalam Garispanduan-Garispanduan ini. Pematuhan Garispanduan-Garispanduan ini adalah bagi meningkatkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan negara termasuk kutipan hasil dan perbelanjaan agar ianya dilaksanakan dengan penuh berhemah, sempurna, teratur, dan bertanggungjawab bagi mengelakkan penyelewengan, penyalahgunaan dan pembaziran wang Kerajaan.

4. Garispanduan-Garispanduan ini akan dikemaskinikan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan apa yang diharapkan Pegawai Pengawal, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang diamanahkan untuk sentiasa mengamalkan etika kerja yang telah digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

5. Garispanduan-Garispanduan ini juga menyatukan dan menyelaraskan semua polisi dan prosedur pengurusan kewangan negara di dalam Perundangan, Peraturan, Surat Keliling dan Surat Pemberitahuan. Dari itu, beberapa Surat Keliling dan Surat



Pemberitahuan seperti tersenarai di bawah adalah dengan ini dibatalkan mulai dari berkuatkuasanya Surat Keliling ini mulai **1hb., April 2022**:

- 5.1 Surat Keliling Perbendaharaan Bilangan 1/1977 bertarikh 17hb Januari 1977: Pembayaran Pungutan Hasil kepada Bank;
- 5.2 Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bilangan 1/2002 bertarikh 4 Februari 2002: Garispandu Penyelesaian Wang Pendahuluan Rampaian;
- 5.3 Surat Pemberitahuan Jabatan Perbendaharaan Bilangan: 5/2010 bertarikh 18 September 2010: Panduan Pendaftaran Bagi Syarikat/Peniaga Ke Dalam Sistem *Treasury Accounting and Financial Information (TAFIS)*;
- 5.4 Surat Pemberitahuan Jabatan Perbendaharaan Bilangan: 3/2014 bertarikh Mac 2014 Penggunaan Invoice Tracking;
- 5.5 Surat Pemberitahuan Jabatan Perbendaharaan Bilangan: 6/2016 bertarikh 10 September 2016: Penggunaan *Purchase Order Module* dan *Contract Module* Bagi Perbelanjaan Pembekalan, Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Kerja-Kerja; dan
- 5.6 Surat-Surat Keliling dan Surat Pemberitahuan yang berkaitan dengan Perolehan Kerajaan seperti berikut:
 - 5.6.1 Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan bil 12/1987 bertarikh 29hb Ogos 1987;
 - 5.6.2 Surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/4(46/1995) bertarikh 4hb Januari 1996;
 - 5.6.3 Surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/4(35/1996) bertarikh 26hb September 1996;
 - 5.6.4 Surat Lembaga tawaran Negara bil: LTN/4(31/1997) bertarikh 29hb September 1997;
 - 5.6.5 Surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/4(39/1997) bertarikh 15hb November 1997;
 - 5.6.6 Surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/4 bertarikh 3hb Julai 2000;
 - 5.6.7 Surat Keliling Kementerian Kewangan bil: 3/2004 bertarikh 26hb Oktober 2004;
 - 5.6.8 Surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/3 bertarikh 5hb September 2007;



- 5.6.9 Surat Kementerian Kewangan bil: KKW/X/91 bertarikh 28hb Ogos 2008;
- 5.6.10 Surat Keliling Kementerian Kewangan Bil: 2/2009 bertarikh 25hb Julai 2009;
- 5.6.11 Surat Keliling Kementerian Kewangan bil: 1/2014 bertarikh 20hb Mac 2014; dan
- 5.6.12 Surat Keliling Kementerian Kewangan bil: 1/2015 bertarikh 4hb April 2015.

6. Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.


[**HAJAH NORLIAH BINTI HAJI KULA**]
Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Rujukan: KKWE/SUT(D&F)/12(3)
Tarikh: 7 Ramadhan 1443/ 9 April 2022